

02 DEC 2001

Ulama-Afghanistan

SOKONG OPERASI TENTERA AMERIKA DI AFGHANISTAN HARAM, KATA ULAMA

PETALING JAYA, 2 Dis (Bernama) -- Ijtima' Khas Ulama Malaysia mengenai isu Afghanistan hari ini menetapkan bahawa sebarang bentuk sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap operasi ketenteraan Amerika Syarikat (AS) di Afghanistan atau mana-mana negara umat Islam yang lain adalah haram.

Ia juga menetapkan bahawa serangan AS ke atas Afghanistan dan mana-mana negara umat Islam yang lain atas nama memerangi keganasan adalah suatu bentuk serangan ke atas Islam dan umat Islam.

Ketetapan itu adalah antara resolusi 16 perkara yang diluluskan pada ijtima' sehari anjuran bersama Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Persatuan Ulama Kedah (PUK), di Hotel Singgahsana di sini.

Kesemua resolusi itu dibacakan oleh Yang Dipertua PUM Abdul Ghani Samsudin pada persidangan itu.

Ketetapan lain yang diluluskan ialah bahawa jihad adalah kewajipan yang dituntut ke atas setiap umat Islam untuk mempertahankan bumi umat Islam di Afghanistan atau mana-mana negara umat Islam di seluruh dunia dari diserang oleh musuh Islam.

"Berjihad sama ada dalam bentuk jiwa raga atau harta benda adalah kewajipan syarii untuk dilaksanakan oleh semua umat Islam," kata Abdul Ghani.

Ijtima' itu juga menetapkan bahawa memulau semua barangan, perkhidmatan dan aktiviti sosial AS adalah suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh semua umat Islam.

Ia turut mengisytiharkan punca yang membawa kepada keganasan mesti diatasi jika usaha membasmi keganasan hendak dilaksanakan dengan jujur dan bermoral.

Selain itu ia menetapkan bahawa penyelesaian berdasarkan prinsip keadilan dan kebenaran yang digariskan oleh Islam perlu dijadikan asas untuk merongkai krisis di Afghanistan mahupun krisis di mana-mana negara Islam lain.

Resolusi-resolusi lain ialah:

- \* Menyatakan simpati kepada keluarga mangsa peristiwa 11 Sept, sekaligus juga menyatakan simpati kepada seluruh mangsa rakyat Afghanistan akibat serangan AS dan sekutunya.

- \* Mendesak AS dan Britain menghentikan serta-merta operasi ketenteraannya ke atas Afghanistan dan semua tentera mereka mesti keluar segera dari bumi Afghanistan dan bumi mana-mana negara umat Islam.

- \* Mendesak ketua negara-negara Asean mengusulkan kutukan terhadap serangan AS ke atas Afghanistan dan serangan itu mesti dihentikan serta-merta dan membantah campurtangan AS dan sekutunya dalam politik negara Afghanistan.

- \* Menggesa semua individu dan badan-badan Islam bersatu mengutuk serangan AS ke atas Afghanistan dan bantuan dalam apa bentuk sekalipun ihsantar segera kepada rakyat Afghanistan yang menjadi mangsa.

- \* Menggesa kerajaan Malaysia agar tidak menyekat rakyat untuk menyatakan bantahan ke atas tindakan AS melalui perhimpunan-perhimpunan aman.

- \* Mendesak kerajaan Malaysia agar tidak memberi sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap tindakan AS menyerang Afghanistan mahupun negara-negara umat Islam yang lain.

- \* Menggesa media massa Malaysia supaya tidak terperangkap dengan

strategi media Barat yang berusaha memburukkan imej Islam dan gerakan Islam sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

\* Menggesa umat Islam seluruh Malaysia agar bersatu menentang usaha kuasa imperialis Barat terutamanya AS yang disokong gerakan Zionis Yahudi, yang secara terus-terusan cuba menguasai umat Islam dalam pelbagai bidang.

\* Menyeru semua masjid di Malaysia agar meneruskan pengembelangan umat Islam untuk mengumpul sumbangan wang bagi membantu meringankan penderitaan umat Islam di Afghanistan dan mengintensifkan solat hajat memohon kepada Allah untuk menghancurkan kezaliman musuh Islam terutama AS.

\* Mendesak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengadakan sidang khas bagi membantu menyelesaikan krisis di Afghanistan melalui desakan menuntut AS dan sekutunya agar menghentikan serangan ke atas Afghanistan. OIC juga hendaklah membantah keras AS yang menggugut untuk menyerang umat Islam yang lain atas nama memerangi keganasan.

Resolusi itu turut menyeru seluruh umat Islam dan pemerintah agar tidak berasa sangsi dan keliru dengan krisis yang sedang berlaku.

Sementara itu Pengerusi jawatankuasa pemandu Ijtima' itu Mohamed Azmi Abdul Hamid berkata resolusi itu akan dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menteri-menteri Kabinet dan semua anggota Parlimen untuk mengesahkannya.

"Kita juga akan menghantar resolusi itu kepada ketua-ketua kerajaan negara Asean, sekretariat OIC, sekretariat Liga Arab, sekretariat Wamy (Perhimpunan Belia Islam Sedunia), badan-badan Islam antarabangsa yang lain dan semua organisasi Islam peringkat kebangsaan dan peringkat rantau Asean," katanya.

-- BERNAMA

AFY AZZ RON